

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : WAKTU PERTANYAAN MENTERI (MQT)
DARIPADA : YB WONG SHU QI [KLUANG]
TARIKH : 23 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN NO. 2

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan sama ada semua penerbit filem wajib memohon Lesen Pengeluaran Filem serta Surat Perakuan Penggambaran tidak kira mereka adalah agensi media arus perdana atau media inividu (personal media) yang menerbitkan filem di platform media sosial atau saluran tradisi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui FINAS berfungsi bagi mengawal selia aktiviti perfileman melalui usaha memelihara dan memajukan industri perfileman negara berdasarkan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 - Akta 244 dan perundangan-perundangan kecil di bawahnya. Perbadanan mengeluarkan tiga jenis lesen kepada industri perfileman iaitu:
 - (i) Lesen Pengeluaran Filem/Video
 - (ii) Lesen Pengedaran Filem/Video
 - (iii) Lesen Pemameran Filem/Video
2. Merujuk kepada **Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981, Seksyen 22 (1)**, *“Tiada seseorang boleh mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti mengeluarkan, mengedar dan mempamer filem-filem atau mana-mana gabungan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan dalam seksyen 21 (1) melainkan jika suatu lesen dikeluarkan yang memberikuasa kepadanya untuk berbuat demikian”*.
3. FINAS juga menerima, memproses dan mengeluarkan Surat Perakuan Penggambaran (SPP) Sijil Filem Iklan Buatan Malaysia (MIM), dan Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA).

4. Melalui **Syarat (1), Syarat-syarat Tambahan Lesen Pengeluaran Filem di bawah Peraturan-Peraturan 4 Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Perlesenan) 1983** yang dikuatkuasakan,

*“Pemegang Lesen, jika membuat penggambaran filem hendaklah memaklumkan kepada Perbadanan **tidak lewat dari tujuh hari sebelum membuat penggambaran** sesuatu filem dimulakan melalui borang tertentu yang dikeluarkan oleh Perbadanan. Dengan penghantaran borang tersebut, Surat Perakuan Penggambaran (SPP) akan dikeluarkan oleh Perbadanan.*

5. Sehubungan dengan itu, penerbit filem, **wajib memohon Lesen Pengeluaran Filem serta Surat Perakuan Penggambaran (SPP)** tidak kira mereka adalah agensi media arus perdana atau media personal yang menerbitkan filem di platform media sosial atau saluran tradisi.